

KELAS MENENGAH LEGASI TERPENTING DR. MAHATHIR



Oleh TAN SRI MUSA HITAM

MANA-MANA parti politik dikatakan memiliki pusingan hayat. Secara tabii apabila ia berada di puncak, gilirannya untuk turun ke bawah akan berlaku pada bila-bila masa. Ada orang melihat pusingan hayat UMNO dikatakan telah mencapai kemuncaknya pada era Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, justeru parti akan jatuh selepas ketiadaannya. Sebenarnya saya berpendapat adalah sukar untuk kita membuat perbandingan Dr. Mahathir dengan era yang belum muncul. Tetapi jika dibandingkan beliau dengan zaman Tun Razak dan Tun Hussein Onn, saya akan mengatakan bahawa benar sekarang adalah zaman kemuncak UMNO. Ini disebabkan personaliti hebat Dr. Mahathir sendiri, selain tempoh pemerintahannya selama 22 tahun yang merupakan satu jangka masa yang agak lama.

Namun, dalam jangka masa itu pun UMNO mengalami prestasi turun naik.

11/5/03 21.6.2003

Berdasarkan hakikat tersebut, saya tidak hairan jika UMNO akan menurun selepas ini. Pusingan itu tidal; boleh dielakkan sama sekali. Bagaimanapun saya merasakan bahawa UMNO akan kekal di atas selagi ahli dan pemimpinnya mempunyai mentaliti untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat jelata keseluruhannya, bukan untuk Melayu saja.

Sekalipun telah berjaya, Dr. Mahathir sering berkata beliau masih kecewa dengan orang Melayu. Beliau kecewa kerana itulah sikap beliau - tidak pernah berpuas hati dengan apa yang telah dicapai. Personaliti Dr. Mahathir inilah yang patut ada dalam jiwa semua manusia tidak kira sama ada mereka orang Melayu, Cina atau India. Tahap pencapaian yang Dr. Mahathir harapkan amat tinggi. Kerana sikap itu, beliau kadang-kadang mengkritik, memarahi dan mencaci orang Melayu kerana dengan cara itu beliau dapat mencabar minda orang Melayu. Walaupun banyak di kalangan bangsanya sendiri tidak suka tetapi dari segi psikologi, orang Melayu semakin

laju bergerak ke arah apa yang dikehendaki oleh Dr. Mahathir. Dr. Mahathir pada hakikatnya telah berada 100 langkah di depan sedangkan orang Melayu baru bergerak sepuluh langkah. Bahkan orang bukan Melayu pun piling tinggi sekadar berada 40 langkah. Beliau sudah 100 langkah di depan.

Senarai panjang legasi Dr. Mahathir amat mengagumkan. Bagi saya, legasi utama beliau selepas 22 tahun memimpin Malaysia ialah kejayaannya mewujudkan masyarakat kelas menengah yang begitu besar. Sebelum ini kelompok itu diisi oleh keturunan tertentu seperti Cina dan India. Sekarang kelas menengah yang besar wujud dalam masyarakat Melayu. Kelas menengah merupakan aspek terpenting mana-mana masyarakat yang maju di seluruh dunia. Kepentingan bersama kumpulan kelas menengah tanpa mengira kaum ialah kestabilan. Mereka berpendidikan tinggi, agak berdaya dan memiliki latar keluarga yang baik. Bilangan mereka sekarang begitu besar di negara ini. Kemunculan kelas menengah ini, yang begitu besar semasa di bawah Dr.

Mahathir, menjadikan Malaysia seperti sekarang.

Di negara-negara membangun lain seperti di Amerika Latin dan Afrika, apa yang terjadi ialah wujud hanya dua kumpulan iaitu yang paling kaya dan yang paling miskin. Terdapat kekosongan yang luas iaitu kumpulan kelas menengah. Biasanya mereka yang menghuni kumpulan terbawah dalam masyarakat paling banyak membuat tuntutan-tuntutan yang sukar dan berbahaya. Maka, apa jua masalah mudah sekali mencetuskan huru-hara.

Jika kita perhatikan, suatu masa dulu apabila berlaku demonstrasi di negara ini, ia kerap bertukar menjadi rusuhan perkauman. Kedai orang Cina dan India sering menjadi mangsa untuk dibakar. Tetapi sekarang tidak lagi. Misalnya dalam soal demonstrasi reformasi, apa yang menarik ialah ia teretus bukan atas sebab perkauman tetapi kerana soal politik. Peristiwa pergaduhan Kampung Medan di Petaling Jaya beberapa tahun lalu tidak merebak menjadi masalah negara. Ini dapat dihalang kerana masyarakat kelas menengah yang mementingkan kestabilan menjadi satu kuasa yang dominan di Malaysia. Inilah legasi Dr. Mahathir yang orang tidak nampak berbanding peninggalan fizikal lain. Tetapi legasi ini lebih berguna dan bermakna kepada Malaysia untuk jangka masa panjang.

Di seluruh dunia sekarang politik sering dianggap sebagai satu tragedi. Mula-mula seseorang mendapat kemenangan dan jawatan, dan kemudian selepas beberapa tahun mereka terpaksa turun daripada kuasa dengan kehinaan. Saya bersetuju bahawa Dr. Mahathir bermula dan berakhir dengan kemenangan. Pada saya beliau seorang yang kepintaran politiknya tidak boleh ditandingi, bukan saja dalam negara malah pada peringkat antarabangsa terutama di kalangan negara-negara membangun. Dr. Mahathir ialah seorang ahli politik yang dapat menyesuaikan dirinya dengan semua keadaan. Saya tidak syak lagi percaya bahawa setiap langkah yang diambilnya muncul daripada keyakinan dirinya yang amat tinggi.

Sejak dahulu lagi sewaktu saya bertelagah dengan beliau, itulah sikap yang

ada pada Dr. Mahathir hinggan saya terpaksa mengakui bahawa saya tidak mungkin dapat menandingi Dr. Mahathir. Beliau boleh menghadapi setiap isu tncngikut perhitungannya sendiri.

Bagaimanapun, saya tidak mengangap diri saya sebagai musuh Dr. Mahathir. Paling kuat pun saya akan kata saya adalah orang yang tidak bersetuju dengan politik Dr. Mahathir. Pada pendapat saya, beliau yakin bahawa saya tidak sesuai sebagai penganjur Malaysia no. 1. Padanya, saya tidak sesuai untuk memimpin Malaysia.

Sejak saya terkeluar daripada arus perdana politik pada tahun 1987, saya tidak lupa bahawa Dr. Mahathir sentiasa ada waktu untuk bertemu saya samaada di pejabatnya atau di mana-mana. Dan setiap kali bertemu, beliau sentiasa bersedia untuk mendengar pandangan saya. Itulah sikapnya dan itulah hubungan kami selama ini.

Saya pula mempunyai pendirian bahawa saya masuk politik bukan untuk mencari rezeki. Dalam politik, saya bersedia menerima seburuk-buruk keadaan; saya dapat menerima kekalahan dengan hati terbuka. Tiada gunanya berkerat rotan berpatah arang jika ia akan menghuruharakan suasana. Apajuga yang buruk saya terima dan jika saya mendapat sesuatu yang baik daripada sesuatu pertandingan saya anggap ia sebagai bonus.

Persaingan adalah satu kemestian dalam politik. Oleh itu, apa saja pertandingan yang berlaku dalam UMNO selepas era Dr. Mahathir Oktober ini, ia adalah fitrah politik. Saya percaya UMNO dan ahlinya sudah makin matang untuk menghadapi situasi ini.

Datuk Seri Abdulah Ahmad Badawi sendiri dahulu, dalam menguruskan UMNO pada tahun 1980-an, bukan orang Dr. Mahathir. Tetapi sekarang beliau dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan akan menggantikan Dr. Mahathir Oktober ini. Bagaimana Abdullah mencapai kedudukannya sekarang, pada saya, menunjukkan kematangan UMNO. Kewujudan Team A dan Team B dalam UMNO adalah proses biasa dan sementara. Saya berharap selepas ini Team A dan Team B tidak harus menjadi masalah. In tidak patut ditimbulkan kembali. Saya percaya orang yang menimbulkannya ialah

orang yang suka membuat kecoh. Kematut seperti ini tidak sihat kepada UMNO lebih-lebih lagi jika Abdullah telah menjadi Perdana Menteri. Apabila beliau menjadi Perdana Menteri, beliau mempunyai hak mutlak untuk melantik sesiapa yang difikirkan sesuai. Keputusannya tidak wajar dipertikaikan, sama seperti yang dilakukan oleh Dr. Mahathir dahulu.

Cara saya melihat Dr. Mahathir adalah berlainan dengan cara saya menilai para pemimpin LJMNO sekarang. Saya dapati kebanyakan pemimpin baru UMNO hari ini terlampau *introvert* padahat kita hidup dalam kampung sejagat di mana apa saja yang berlaku dalam sesebuah negara lain akan memberi kesan kepada kita. Sikap itu tidak baik. Pada zaman ini setiap ahli UMNO perlu peka terhadap pergolakan politik, sosial dan ekonomi seluruh dunia. Perlu ada usaha untuk mengkaji dan meneliti keadaan negara-negara lain. Kalau perlu, buatlah spekulasi yang rasional atas segala kemungkinan supaya kita tidak terperanjat apabila berlaku sesuatu perkara.

Contohnya banyak. Semasa ekonomi murung beberapa tahun lalu, mujurlah kita memiliki sumber petroleum yang harganya naik ketika perang teretus. Kita perlu memahami bahawa sumbangan petroleum tidak cukup untuk memenuhi keperluan domestik dan membangunkan negara. Tetapi kita bernasib baik kerana mempunyai industri minyak kelapa sawit. Suatu ketika dahulu kerajaan pernah mengganggu industri sawit sedang terjunam tetapi komoditi itulah yang membantu negara memperoleh pendapatan yang tidak dijangka pada masa kita susah beberapa tahun lalu. Ada banyak lagi contoh-contoh lain. Pendek kata kita kena memahami isu-isu dunia, bukan setakat tahu berpolitik.

UMNO memerlukan pucuk pimpinan yang berfikiran global. Pernah dahulu apabila seorang menteri kanan datang berjumpa saya, nasihat saya kepadanya ialah saudara bukan penganjur Islam atau Melayu, sebaliknya saudara adalah penganjur Malaysia. Seorang nasionalis sempit tidak akan membantu perkembangan negaranya. Saya amat berharap pemimpin-pemimpin baru UMNO menyedari tentang kualiti yang perlu ada pada mereka ini.

Malangnya terdapat ahli dan pemimpin UMNO yang terlampau taasub dengan hal dalam parti hingga tidak mempedulikan apa yang berlaku di luar. Ini terjadi kerana UMNO telah berkuasa terlampau lama dan menjadi begitu kuat, hinggan kuasa dan kekuatan ini telah membuahkan keuntungan material dan pangkat kepada sesiapa juga, menyebabkan persaingan setnakin lama semakin hebat. □